

Soalan 1 hingga 10

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1 Ketua kampung: Datuk Nazrin dijemput menghadiri majlis makan malam esok.

Riqzi : _____ dijangkakan sampai pukul _____?

- A Dia.....berapakah
- B Beliau.....berapa
- C Mereka.....mana
- D Baginda.....apa

2 Aifah menangis kerana _____nya tercucuk tulang ikan sewaktu makan tadi.

- A ubun-ubun
- B langit-langit
- C otak-otak
- D siku-siku

3 Lukisan pelukis yang berbakat dan terkenal itu _____ cantik.

- A agak
- B sangat
- C sekali
- D benar

4 Adam sanggup terjun ke dalam sungai untuk _____ seekor anak kucing.

- A keselamatan
- B terselamat
- C diselamatkan
- D menyelamatkan

5 Makanan _____ boleh memudaratkan kesihatan jika diambil berlebihan.

- A laju
- B cepat
- C pantas
- D segera

Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah.

6



Nakhoda itu mengarahkan anak kapalnya _____ sauh apabila tiba di muara sungai.

- A menghulurkan C meletakkan
- B melontarkan D melabuhan

7 _____ polis sedang memberikan maklumat kepada wartawan tentang kes rompakan kedai emas itu.

- A Jurucakap C Jurucara
- B Jurubahasa D Juruhebah

8 Muka nenek Zamri kelihatan muda walaupun _____ berusia 70 tahun.

- A sudah
- B masih
- C hingga
- D hendak

Soalan 9 dan 10

Pilih peribahasa yang sesuai.

9 Pak Manaf sekeluarga menerima kehadiran tetamu itu dengan _____.

- A bendera putih
- B tangan terbuka
- C tawar hati
- D naik angin

10 Sejak Amirah bekerja di kedai Mak Limah, Hafiz selalu singgah di situ, kelakannya seperti _____.

- A ajak-ajak ayam
- B air dicincang takkan putus
- C ada udang di sebalik batu
- D katak bawah tempurung

11 Baginda bersetuju untuk merasmikan kempen Sayangi Malaysiaku di Dewan Gemilang. Apakah **bahasa Istana** yang sesuai digantikan dengan perkataan bergaris di atas?

- A berkenan
- B berdaulat
- C bertitah
- D bersemayam

12 Pombonceng motosikal itu **nyaris-nyaris** dilanggar oleh sebuah kereta dari arah bertentangan.

Pilih perkataan sinonim bagi **nyaris-nyaris**.

- A jauh-jauh
- B rapat-rapat
- C dekat-dekat
- D hampir-hampir

13 Hanim **sukar** membuat pilihan yang tepat kerana kesuntukan masa.

Pilih perkataan antonim bagi **sukar**.

- A payah
- B lalai
- C susah
- D senang

14 Pilih jawapan yang sesuai bagi ayat tanya yang diberikan.

Di manakah letaknya Kedai Runcit Pak Hamid?

- A Kedai Runcit Pak Hamid terletak di Jalan Imbi.
- B Pak Hamid menjual barang runcit di kedainya.
- C Rumah Pak Hamid bersebelahan kedai runcitnya.
- D Pak Hamid dibantu anaknya berniaga di kedai runcit.

Soalan 15 dan 16

Pilih ayat yang betul.

15 A Kumpulan komando itu terdiri dari enam belas orang anggota.

B Laila rasa gembira semenjak suaminya pulang daripada perantauan.

C Maklumat Indeks Pencemaran Udara (IPU) akan disiarkan dari masa ke semasa menerusi TVI.

D Rakyat Malaysia perlu bersatu demi kesejahteraan negara.

16 I Penyaman udara di makmal komputer itu rosak.

II Dia terlupa akan janji temunya dengan doktor pakar semalam.

III Puan Fauziah menjual karipap dan donat beku sejuk.

IV Halimah mendapat hadiah mini telekung berwarna biru.

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

Soalan 17

Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

17 "Datanglah ke rumah saya malam ini, Encik Azman" kata Encik Lam.

A Encik Lam mempersilakan Encik Azman ke rumahnya pada malam nanti.

B Encik Lam memberitahu supaya datang ke rumah Encik Azman malam nanti.

C Encik Azman akan mengikuti Encik Lam ke rumahnya pada malam nanti.

D Encik Azman akan membawa keluarganya ke rumah Encik Lam malam nanti.

Soalan 18 hingga 20

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Cikgu Daniel ketawa melihat hadiah yang diterima oleh Cikgu Solehah. Namun, Cikgu Solehah tidak menghiraukannya lalu mengambil sepucuk surat yang terselit pada bingkai gambar.

"Eh, tadi Cikgu Daniel ketawa! Kenapa Cikgu Solehah menangis pula?" Ustaz Ariffin kehairanan lalu mencapai surat yang dibaca Cikgu Solehah. Ustaz Ariffin yang selesai membaca surat itu merenungi hadiah yang terletak bersebelahan dengan sehelai tudung sutera.

Cikgu Suhana juga turut terharu apabila membaca surat itu. "Cikgu Solehah, terimalah hadiah yang ikhlas dan jujur daripada murid cikgu itu. Saya rasa kita patut membantunya," kata Cikgu Suhana.

"Khairul murid yang baik, cikgu. Saya pernah melawat rumahnya. Dia memang miskin, tetapi ibunya sangat bertanggungjawab. Pakaian sekolahnya sentiasa bersih. Ayahnya pula kurang sihat. Khairul sangat memahami keadaan keluarganya. Selepas pulang dari sekolah, dia ke kebun yang sekangkang kera di belakang rumah," kata Cikgu Solehah.

"Oh, kalau begitu dia patut mendapat bantuan dari sekolah kita!" kata Cikgu Suhana. "Saya ingin jadikan dia anak angkat saya, cikgu." Cikgu Suhana merenung Cikgu Solehah sambil tersenyum.

18 Apakah hadiah yang diberikan oleh Khairul kepada Cikgu Solehah?

- A Bingkai gambar
- B Tudung sutera
- C Kad ucapan
- D Cermin mata

19 Mengapakah Cikgu Solehah menangis?

- A Khairul menjadi anak angkat Cikgu Suhana
- B Terharu menerima hadiah daripada Khairul
- C Tersinggung dengan sikap Ustaz Ariffin
- D Gembira akan keprihatinan guru besar terhadap muridnya

20 Khairul dan keluarganya menampung hidup dengan

- A bantuan daripada guru besar dan pihak sekolah.
- B pendapatan ibunya sebagai pencuci pakaian.
- C bantuan daripada keluarga angkatnya.
- D hasil bercucuk tanam.